


**UNDANG-UNDANG
MALAYSIA**

Akta 320

**AKTA KONVENSYEN MENGENAI PENG-
IKTIRAFAN DAN PENGUATKUASAAN
AWARD TIMBANGTARA ASING 1985**



Beta bersetuju

.....
Yang di-Pertuan Agong

22.....hb Mei 1985

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 320

AKTA KONVENSYEN MENGENAI PENG-
IKTIRAFAN DAN PENGUATKUASAAN
AWARD TIMBANGTARA ASING 1985

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Kuatkuasa award Konvensyen.
4. Keterangan.
5. Penolakan penguatkuasaan.
- 6 Penangguhan prosiding mahkamah jika pihak membuktikan perjanjian timbangtara.

JADUAL.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA
Akta 320

AKTA KONVENSYEN MENGENAI PENG
IKTIRAFAN DAN PENGUATKUASAAN
AWARD TIMBANGTARA ASING 1985

Suatu Akta bagi memberi kuatkuasa kepada peruntukan-peruntukan Konvensyen mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing, yang dibuat di New York pada 10hb Jun 1958, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

()

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANGUNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Konvensyen mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing 1985, dan adalah terpakai ke seluruh Malaysia.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain

"award Konvensyen" ertinya suatu award mengenai perselisihan di antara seorang dengan seorang lain yang timbul daripada perhubungan undang-undang yang ditakrifkan, sama ada kontraktual atau tidak, yang dianggap sebagai perdagangan di bawah undangundang yang berkuatkuasa di Malaysia yang dibuat

(a) menurut perjanjian timbangtara yang Konvensyen New York terpakai kepadanya; dan

Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuat kuasa.

Tafsiran.

[S. 2-3]

6

AKTA 320

- (b) menurut perjanjian timbangtara dalam wilayah suatu Negara selain daripada Malaysia, yang menjadi satu pihak kepada Konvensyen New York;

"Konvensyen New York" ertinya Konvensyen mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing yang diterima-pakai oleh Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Timbangtara Perdagangan Antarabangsa pada 10hb Jun 1958 sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual;

"perjanjian timbangtara" ertinya suatu perjanjian secara bertulis, termasuk suatu perjanjian yang terkandung di dalam suatu pertukaran surat atau telegram, untuk dikemukakan kepada pihak timbangtara perselisihan-perselisihan masa kini dan masa depan yang boleh diselesaikan melalui timbangtara.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah dalam *Warta*, mengisytiharkan bahawa mana-mana Negara yang ditetapkan dalam perintah itu menjadi satu pihak kepada Konvensyen New York, dan perintah itu hendaklah, semasa berkuatkuasa, menjadi keterangan konklusif yang Negara itu menjadi satu pihak kepada Konvensyen tersebut.

Kuatkuasa
award
Konven-
syen.
Akta 93.

3. (1) Suatu award Konvensyen hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang berikut dalam Akta ini, dikuatkuasakan di Malaysia sama ada melalui tindakan atau dengan cara yang sama sebagaimana award timbangtara dikuatkuasakan menurut seksyen 27 Akta Timbangtara 1952.

(2) Mana-mana award Konvensyen yang boleh dikuatkuasakan di bawah Akta ini hendaklah dianggap sebagai mengikat bagi segala maksud orang-orang yang di antara mereka award itu dibuat dan boleh dengan itu dipergantung harap oleh mana-mana daripada orang-orang tersebut sebagai pembelaan, penolakan atau selainnya dalam mana-mana prosiding undang-undang dalam Malaysia dan apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai penguatkuasaan sesuatu award Konvensyen hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai pergantungan harap pada award itu.

**KONVENSYEN MENGENAI PENGIKTIRAFAN DAN
PENGUATKUASAAN
AWARD TIMBANGTARA ASING**

4. Pihak yang meminta untuk menguatkuasakan sesuatu award Konvensyen mestilah mengemukakan

Keterangan

- (a) award asal yang disahkan dengan sempurnanya atau satu salinan award *yang* diperakui dengan sempurnanya; dan
- (b) perjanjian timbangtara yang asal atau satu salinan perjanjian yang diperakui dengan sempurnanya; dan
- (c) sekiranya award itu dalam bahasa selain dari bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, satu terjemahannya dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris yang diperakui oleh seorang penterjemah rasmi atau penterjemah bersumpah atau oleh seorang agen diplomatik atau agen konsul.

5. (1) Penguatkuasaan suatu award Konvensyen boleh ditolak jika orang yang terhadapnya award itu dipergunakan membuktikan

Penolakan penguatkuasaan

- (a) bahawa sesuatu pihak kepada perjanjian timbangtara telah, di bawah undang-undang yang terpakai kepadanya, menanggung sesuatu ketakupayaan; atau
- (b) bahawa timbangtara itu tidak sah di bawah undang-undang yang pihak-pihak itu tertakluk kepadanya atau, tiada apa-apa tanda di atasnya, di bawah undang-undang negara di mana award itu telah dibuat; atau
- (c) bahawa dia telah tidak diberi notis yang sewajarnya mengenai perlantikan penimbangtara atau mengenai prosiding timbangtara atau selainnya tak berupaya untuk mengemukakan kesnya; atau
- (d) tertakluk kepada subseksyen (3), bahawa award itu berhubungan dengan suatu perselisihan yang tidak dijangkakan oleh atau tidak termasuk di dalam terma-terma pengemukaan kepada timbangtara atau mengandungi keputusan-keputusan atas perkara-perkara yang melampaui bidang bagi pengemukaan kepada timbangtara; atau

[S.5]

8

AKTA 320

- (e) bahawa komposisi pihak berkuasa timbangtara atau bahawa prosedur timbangtara tidak mengikut perjanjian pihak-pihak atau, kiranya tidak ada perjanjian seperti itu, tidak mengikut undang-undang negara di mana timbangtara itu dijalankan; atau
- (f) bahawa award itu belum lagi mengikat pihakpihak atau award itu telah diketepikan atau digantung oleh suatu pihak berkuasa kompeten negara di dalam mana, atau di bawah undangundangnya, award itu dibuat.

(2) Penguatkuasaan sesuatu award Konvensyen boleh juga ditolak jika award itu adalah berkenaan dengan sesuatu perkara yang tak boleh diselesaikan melalui timbangtara, atau jika ianya bertentangan dengan polisi awam untuk menguatkuasakan award itu.

(3) Sesuatu award Konvensyen yang mengandungi keputusan-keputusan atas perkara-perkara yang tidak dikemukakan kepada timbangtara boleh dikuatkuasakan setakat yang ianya mengandungi keputusankeputusan atas perkara-perkara yang dikemukakan kepada timbangtara yang boleh diasingkan daripada keputusan-keputusan atas perkara-perkara yang tidak dikemukakan.

(4) Jika mahkamah yang di hadapannya suatu award Konvensyen diminta untuk dipergantung harap berpuas hati bahawa suatu permohonan untuk mengeneipikan atau menggantungkan award itu telah dibuat kepada pihak berkuasa kompeten yang disebut dalam perenggan (f) subseksyen (1), mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, menangguhkan keputusan mengenai penguatkuasaan award itu dan boleh juga, atas permohonan pihak yang menuntut penguatkuasaan award itu, memerintahkan pihak yang satu lagi itu supaya memberi jaminan yang sesuai.

KONVENSYEN MENGENAI PENGIKTIRAFAN DAN PENGUATKUASAAN 7
AWARD TIMBANGTARA ASING

6. (1) Jika mana-mana pihak kepada perjanjian timbangtara yang Konvensyen New York terpakai kepadanya, atau mana-mana orang yang menuntut melalui atau di bawahnya memulakan mana-mana prosiding undang-undang dalam mana-mana mahkamah terhadap mana-mana pihak lain kepada perjanjian itu atau mana-mana orang yang menuntut melalui atau di bawahnya berkenaan dengan apa-apa perkara yang dipersetujui supaya dirujuk kepada timbangtara dalam perjanjian seperti itu, mana-mana pihak kepada prosiding itu boleh pada bila-bila masa selepas kehadiran atau sebelum menyampaikan apa-apa pliding atau mengambil apa-apa langkah lain dalam prosiding itu, memohon kepada mahkamah untuk menangguhkan prosiding; dan mahkamah, melainkan jika berpuas hati bahawa perjanjian itu batal dan tak sah, tak berkuatuasa atau tak boleh dilaksanakan atau bahawa sebenarnya tidak ada apa-apa pertikaian di antara pihak-pihak itu memandangkan kepada perkara yang dipersetujui untuk dirujuk, hendaklah membuat suatu perintah menangguhkan prosiding itu.

Penangguhan prosiding mahkamah jika pihak membuktikan perjanjian timbangtara.

(2) Seksyen ini terpakai kepada mana-mana perjanjian timbangtara yang bukannya perjanjian timbangtara domestik dan seksyen 6 Akta Timbangtara 1952 tidaklah terpakai kepada perjanjian timbangtara yang seksyen ini terpakai kepadanya.

(3) Dalam seksyen ini, "perjanjian timbangtara domestik" ertinya suatu perjanjian timbangtara yang tidak ada memperuntukkan, dengan nyatanya, atau dengan cara implikasi, bagi mengadakan timbangtara dalam sesuatu Negara selain daripada Malaysia dan yang mana baik

- (a) seseorang individu yang menjadi rakyat, atau lazimnya bermastautin di dalam, mana-mana Negara selain daripada Malaysia; mahupun
- (b) suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di dalam, atau yang pusat pengurusan dan kawalannya dijalankan di dalam, mana-mana Negara selain daripada Malaysia,

bukannya satu pihak pada masa prosiding itu bermula.

[Jadual]

10

AKTA 320

JADUAL
(Seksyen 2)

KONVENSYEN MENGENAI PENGIKTIRAFAN DAN
PENGUATKUASAAN AWARD TIMBANGTARA ASING
1958
PERKARA I

1. Konvensyen ini hendaklah terpakai kepada pengiktirafan dan penguatkuasaan award timbangtara yang dibuat di dalam wilayah sesuatu Negara selain daripada Negara di mana pengiktirafan dari penguatkuasaan award tersebut diminta, dan yang timbul daripada perselisihan-perselisihan di antara orang-orang, sama ada fizikal atau undang-undang. Konvensyen ini hendaklah juga terpakai kepada award timbangtara yang tidak dianggap sebagai award domestik dalam Negara di mana pengiktirafan dan penguatkuasaannya diminta.
2. Istilah "award timbangtara" hendaklah termasuk bukan sahaja award yang dibuat oleh penimbangtara-penimbangtara yang dilantik bagi setiap kes bahkan award-award yang dibuat oleh badan-badan timbangtara tetap yang kepadanya pihak-pihak itu telah dikemukakan.
3. Apabila menandatangani, meratifikasi atau menyetujui Konvensyen ini, atau memberitahu perlanjutan di bawah perkara X, mana-mana Negara boleh berdasarkan kepada persalingan mengisytiharkan bahawa ianya akan menggunakan Konvensyen kepada pengiktirafan dan penguatkuasaan award yang dibuat hanya dalam wilayah suatu Negara Perjanji yang lain. Ia juga boleh mengisytiharkan bahawa ianya akan menggunakan Konvensyen hanya mengenai perselisihan yang timbul daripada perhubungan undang-undang, sama ada kontraktual atau tidak, yang dianggap sebagai perdagangan di bawah undang-undang negara bagi Negara yang membuat pengisytiharan tersebut.

PERKARA II

1. Setiap Negara Pejanji hendaklah mengiktiraf sesuatu perjanjian secara bertulis yang menurutnya pihak-pihak mengakujaji untuk mengemukakan kepada timbangtara semua atau apa-apa perselisihan yang telah timbul atau yang mungkin timbul di antara mereka berkenaan dengan perhubungan undang-undang yang ditakrifkan, sama ada kontraktual atau tidak, berkenaan dengan hal-perkara yang boleh diselesaikan melalui timbangtara.
2. Istilah "perjanjian secara bertulis" hendaklah termasuk fasal timbangtara dalam suatu kontrak atau perjanjian timbangtara, yang ditandatangani oleh *pihak-pihak* atau yang terkandung di dalam pertukaran surat atau telegram.
3. Mahkamah sesuatu Negara Pejanji, apabila menghadapi sesuatu tindakan mengenai sesuatu perkara yang berkenaan dengannya pihak-pihak telah membuat perjanjian dalam erti Perkara ini, hendaklah, atas permintaan dari satu daripada pihak, pihak

KONVENSYEN MENGENAI PENGIKTIRAFAN DAN PENGUATKUASAAN
AWARD TIMBANGTARA ASING

Itu. merujukkan pihak-pihak tersebut kepada timbangtara, melainkankan jika ia dapati bahawa perjanjian itu batal dan tak sah, tidak berkuatkuasa atau tak berupaya untuk dilaksanakan.

PERKARA III

Setiap Negara Pejanji hendaklah mengiktiraf award timbangtara sebagai mengikat dan menguatkuasakan mereka mengikut kaedahkaedah prosedur bagi wilayah di mana award itu dipergantung harap, di bawah syarat-syarat yang dinyatakan dalam perkaraperkara yang berikut. Maka tidaklah boleh dikenakan syarat-syarat yang kebanyakannya lebih menyusahkan atau fee-fee atau caj-caj yang lebih tinggi mengenai pengiktirafan atau menguatkuasaan award timbangtara yang Konvensyen ini terpakai kepadanya daripada syarat-syarat yang dikenakan mengenai pengiktirafan atau menguatkuasaan award timbangtara domestik.

PERKARA IV

1. Untuk mendapatkan pengiktirafan dan menguatkuasaan yang tersebut dalam perkara terdahulu, pihak yang memohon mendapatkan pengiktirafan dan menguatkuasaan hendaklah, pada masa membuat permohonan, memberikan:

- (a) award asal yang disahkan dengan sempurnanya atau suatu salinannya yang diperakui dengan sempurnanya;
- (b) perjanjian asal yang disebutkan dalam perkara II atau suatu salinannya yang diperakui dengan sempurnanya.

2. Jika award atau perjanjian tersebut tidak dibuat dalam bahasa rasmi negara dalam mana award itu dipergantung harap, pihak yang memohon mendapatkan pengiktirafan dan ,penguatkuasaan award hendaklah mengemukakan terjemahan bagi dokumen-dokumen ini dalam bahasa yang dikehendaki itu. Terjemahan itu hendaklah diperakui oleh seorang penterjemah rasmi atau penterjemah bersumpah atau oleh seorang agen diplomatik atau agen konsul.

PERKARA V

1. Pengiktirafan dan menguatkuasaan award boleh ditolak, atas permintaan pihak yang terhadapnya award itu dipergunakan, hanya jika pihak tersebut memberikan kepada pihak berkuasa kompeten di mana pengiktirafan dan menguatkuasaan diminta, bukti bahawa:

- (a) pihak-pihak kepada perjanjian yang tersebut dalam perkara II berada di bawah undang-undang yang terpakai kepada mereka, menanggung sesuatu ketakupayaan, atau perjanjian tersebut tidak sah di bawah undang-undang yang pihak-pihak itu tertakluk kepadanya atau, tiada apa-apa tanda di atasnya, di bawah undang-undang negara di mana award itu telah dibuat; atau

[Jadual]

12

AKTA 320

- (b) pihak yang terhadapnya award itu dipergunakan telah tidak diberi notis yang sewajarnya mengenai perlantikan penimbangtara atau mengenai prosiding timbangtara atau selainnya tak berupaya untuk mengemukakan kesnya; atau
- (c) award itu berhubungan dengan perselisihan yang tidak dijangkakan oleh atau tidak termasuk di dalam termaterma pengemukaan kepada timbangtara, atau ia mengandungi keputusan-keputusan atas perkara-perkara yang melampaui bidang pengemukaan kepada timbangtara, dengan syarat bahawa jika keputusan-keputusan atas perkara-perkara yang dikemukakan kepada timbangtara boleh dipisahkan daripada keputusan-keputusan yang tidak dikemukakan sedemikian itu, maka bahagian award yang mengandungi keputusan-keputusan atas perkara-perkara yang dikemukakan kepada timbangtara bolehlah diiktiraf dan dikuatkuasakan: atau
- (d) komposisi pihak berkuasa timbangtara atau prosedur timbangtara tidak mengikut perjanjian pihak-pihak atau, kiranya tidak ada perjanjian seperti itu, tidak mengikut undang-undang negara di mana timbangtara itu dijalankan; atau
- (e) bahawa award itu belum lagi mengikat pihak-pihak, atau award itu tidak diketepikan atau digantung oleh suatu pihak berkuasa kompeten negara di dalam mana, atau di bawah undang-undangnya, award itu dibuat.

2. Pengiktirafan dan penguatkuasaan sesuatu award timbangtara boleh juga ditolak jika pihak berkuasa kompeten dalam negara di mana pengiktirafan dan penguatkuasaan itu diminta mendapati bahawa:

- (a) hal-perkara perselisihan itu tak boleh diselesaikan melalui timbangtara di bawah undang-undang negara itu; atau
- (b) pengiktirafan atau penguatkuasaan award adalah bertentangan dengan polisi awam negara itu.

PERKARA VI

Jika sesuatu permohonan untuk mengenyepikan atau menggantung award telah dibuat kepada pihak berkuasa kompeten yang tersebut dalam perkara V (1) (e), pihak berkuasa yang padanya award diminta untuk dipergantung harap boleh, jika difikirkannya sesuai, menangguhkan keputusan mengenai penguatkuasaan award itu dan boleh juga, atas permohonan pihak yang menuntut penguatkuasaan award itu, memerintahkan pihak yang satu lagi supaya memberi jaminan yang sesuai.

PERKARA VII

1. Peruntukan-peruntukan Konvensyen sekarang ini tidaklah boleh menjejaskan keesahan perjanjian-perjanjian berbilang pihak atau dwipihak berkenaan dengan pengiktirafan dan penguatkuasaan award timbangtara yang dibuat oleh Negara-Negara Pejanji dan juga tidaklah boleh melucutkan mana-mana pihak

KONVENSYEN MENGENAI PENGIKTIRAFAN DAN PENGUATKUASAAN
AWARD TIMBANGTARA ASING

yang berkepentingan daripada apa-apa bak yang mungkin boleh didapatinya daripada award timbangtara itu dengan cara dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang atau triti-triti negara di mana award tersebut dipergantung harapan.

2. Protokol Geneva mengenai Fasal-Fasal Timbangtara tahun 1923 dan Konvensyen Geneva mengenai Pelaksanaan Award Timbangtara Asing tahun 1927 hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa di antara Negara-Negara Pejanji apabila sahaja ianya terikat dan setakat mana yang ianya terikat dengan Konvensyen ini.

PERKARA VIII

1. Konvensyen ini hendaklah dibuka sehingga 31hb Member 1958 untuk tandatangan bagi pihak mana-mana Anggota Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga bagi pihak mana-mana Negara lain yang menjadi anggota atau selepas ini menjadi anggota mana-mana ejensi khas Bangsa-Bangsa Bersatu, atau yang menjadi pihak atau selepas ini menjadi satu pihak kepada Statut Mahkamah Keadilan Antarabangsa, atau mana-mana Negara lain yang kepadanya suatu jemputan telah dihantar oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

2. Konvensyen ini hendaklah diratifikasikan dan suratcara ratifikasi hendaklah disimpan dengan Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

PERKARA IX

1. Konvensyen ini hendaklah dibuka untuk kesertaan semua Negara yang tersebut dalam perkara VIII.

2. Kesertaan hendaklah dilaksanakan dengan pendepositan suratcara kesertaan dengan Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

PERKARA X

1. Mana-mana Negara boleh, pada masa penandatanganan, ratifikasi atau penyertaan, mengisytiharkan bahawa Konvensyen ini hendaklah dilanjutkan kepada semua atau mana-mana wilayah bagi mengadakan perhubungan antarabangsa yang ianya bet. tanggungjawab. Pengisytiharan seperti itu hendaklah berkuatkuasa apabila Konvensyen mula berkuatkuasa bagi Negara yang berkenaan.

2. Pada bila-bila masa selepasnya itu sesuatu perlanjutan seperti itu hendaklah dibuat melalui pemberitahuan yang dihantar kepada Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu dan hendaklah mula berkuatkuasa mulai dari sembilan belas hari selepas pemberitahuan itu diterima oleh Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, atau mulai dari tarikh mula berkuatkuasanya Konvensyen bagi Negara yang berkenaan, mengikut mana yang terkemudian.

3. Berkenaan dengan wilayah-wilayah yang Konvensyen ini tidak dilanjutkan pada masa penandatanganan, ratifikasi atau penyertaan, setiap Negara yang berkenaan hendaklah menimbang

[Jadual]

14

AKTA 320

kemungkinan mengambil langkah-langkah yang perlu supaya melanjutkan pemakaian Konvensyen ini kepada wilayah-wilayah tersebut, tertakluk, di mana perlu atas sebab-sebab perlembagaan, kepada persetujuan Kerajaan wilayah-wilayah tersebut.

PERKARA XI

Dalam hal Negara persekutuan atau Negara bukan satuan. peruntukan-peruntukan berikut hendaklah terpakai:

- (a) berkenaan dengan Perkara-Perkara yang tersebut dalam Konvensyen ini yang termasuk dalam bidang kuasa perundangan pihak berkuasa persekutuan, obligasi Kerajaan persekutuan hendaklah setakat hal ini sama seperti Negara-Negara Pejanji yang bukannya Negara-Negara persekutuan;
- (b) berkenaan dengan perkara-perkara yang tersebut dalam Konvensyen ini yang termasuk dalam bidang kuasa perundangan Negara-Negara atau Provins-Provins yang tidak, di bawah sistem berperlembagaan persekutuan, terikat untuk mengambil tindakan perundangan, Kerajaan persekutuan hendaklah membawa perkara-perkara tersebut dengan syor-syor yang berfaedah kepada pengetahuan pihak-pihak berkuasa yang sesuai Negara-Negara atau Provins-Provins pada masa yang paling cepat mungkin;
- (c) suatu pihak Negara persekutuan kepada Konvensyen ini hendaklah, atas permintaan mana-mana Negara Pejanji lain yang dihantar melalui Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, memberikan penyata mengenai undang-undang dan amalan persekutuan dan unit-unit konstituennya berkenaan dengan mana-mana peruntukan tertentu dalam Konvensyen ini, yang menunjukkan setakat mana peruntukan itu telah dikuatkuasakan melalui tindakan perundangan atau tindakan lain.

PERKARA XII

1. Konvensyen ini hendaklah mula berkuatkuasa pada hari yang kesembilan belas berikutan dengan tarikh tersimpannya suratcara ratifikasi atau kesertaan yang ketiga.
2. Bagi setiap Negara yang meratifikasikan atau menyertai Konvensyen ini selepas tersimpannya suratcara ratifikasi atau kesertaan yang ketiga, Konvensyen ini hendaklah mula berkuatkuasa pada hari yang kesembilan belas selepas tersimpannya suratcara ratifikasi atau kesertaannya oleh Negara tersebut.

PERKARA XIII

1. Mana-mana Negara Pejanji boleh menamatkan Konvensyen ini melalui suatu pemberitahuan bertulis kepada Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu. Penamatan itu hendaklah berkuatkuasa sate tahun selepas tarikh pemberitahuan itu diterima oleh Setiausaha Agung.

**KONVENSYEN MENGENAI PENGIKTIRAFAN PENGUATKUASAAN 15
AWARD TIMBANGTARA ASING**

2. Mana-mana Negara yang telah membuat suatu pengisytiharan atau pemberitahuan di bawah perkara X boleh, pada bila-bila masa selepas daripada ini melalui pemberitahuan kepada Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, mengisytiharkan bahawa Konvensyen ini hendaklah terhenti terpakai bagi wilayah yang berkenaan itu satu tahun selepas tarikh pemberitahuan itu diterima oleh Setiausaha Agung.

3. Konvensyen ini hendaklah terus terpakai bagi award timbangtam yang berkenaan dengannya pengiktirafan atau prosiding penguatkuasaan telah dimulakan sebelum penamatan itu berkuatkuasa.

PERKARA XIV

Sesuai Negara Pejanji tidaklah berhak untuk menggunakannya sendiri Konvensyen ini terhadap Negara-Negara Pejanji yang lain kecuali setakat yang ianya sendiri terikat untuk memakai Konvensyen ini.

PERKARA XV


Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah memberitahu Negara-Negara yang dijangkakan dalam Perkara VII akan perkaraperkara yang berikut:

- (a) Tandatangan dan ratifikasi mengikut perkara VIII; (b) Kesertaan mengikut perkara IX;
- (c) Pengisytiharan dan pemberitahuan di bawah perkara I, X dan XI;
- (d) Tarikhnya Konvensyen ini mula berkuatkuasa mengikut perkara XII;
- (e) Penamatan dan pemberitahuan mengikut perkara XIII.

PERKARA XVI

1. Konvensyen ini, yang mana teks bahasa China, Inggeris, Perancis, Russia dan Sepanyol hendaklah sama-sama sahnyanya, hendaklah disimpan di dalam arkib Bangsa-Bangsa Bersatu.

2. Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah menghantar satu salinan Konvensyen ini yang diperakui kepada Negara-Negara yang dijangkakan dalam perkara XIII.



LAWS OF MALAYSIA

Act 320

CONVENTION ON THE RECOGNITION AND
ENFORCEMENT OF FOREIGN ARBITRAL
AWARDS ACT 1985

LAWS OF MALAYSIA

Act 320

CONVENTION ON THE RECOGNITION AND
ENFORCEMENT OF FOREIGN ARBITRAL
AWARDS ACT 1985

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

1. Short title, application and commencement.
2. Interpretation.
3. Effect of Convention award.
4. Evidence.
5. Refusal of enforcement.
6. Staying court proceedings where party proves arbitration agreement.

SCHEDULE.

LAWS OF MALAYSIA
Act 320
CONVENTION ON THE RECOGNITION AND
ENFORCEMENT OF FOREIGN ARBITRAL
AWARDS ACT 1985

An Act to give effect to the provisions of the Convention on the Recognition and Enforcement of Foreign Arbitral Awards, done at New York on the 10th June 1958, and to provide for matters connected therewith or ancillary thereto.

[]

BE IT ENACTED by the Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong with the advice and consent of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in Parliament assembled, and by the authority of the same, as follows

1. (1) This Act may be cited as the Convention on the Recognition and Enforcement of Foreign Arbitral Awards Act 1985 and shall apply throughout Malaysia.

Short title,
application
and com-
mencement.

(2) This Act shall come into force on such date as the Yang di-Pertuan Agong may by notification in the Gazette appoint.

2. (1) In this Act, unless the context otherwise requires

"arbitration agreement" means an agreement in writing, including an agreement contained in an exchange of letters or telegrams, to submit to arbitration present or future differences capable of settlement by arbitration;

Inter-
pretation.

"Convention award" means an award on differences between persons arising out of a defined legal relationship, whether contractual or not, considered as commercial under the law in force in Malaysia made

(a) in pursuance of an arbitration agreement to which the New York Convention applies; and

[S. 2-4]

6

Act 320

(b) in pursuance of an arbitration agreement in the territory of a State other than Malaysia, which is a party to the New York Convention;

"New York Convention" means the Convention on the Recognition and Enforcement of Foreign Arbitral Awards adopted by the United Nations Conference on International Commercial Arbitration on the 10th June 1958 as set forth in the Schedule.

(2) The Yang di-Pertuan Agong may, by order in the *Gazette*, declare that any State specified in the order is a party to the New York Convention, and that order shall, while in force, be conclusive evidence that that State is a party to the said Convention.

Effect of
Convention
award.
Act 93.

3. (1) A Convention award shall, subject to the following provisions of this Act, be enforceable in Malaysia either by action or in the same manner as the award of an arbitration is enforceable by virtue of section 27 of the Arbitration Act 1952.

(2) Any Convention award which would be enforceable under this Act shall be treated as binding for all purposes on the persons as between whom it was made and may accordingly be relied upon by any of those persons by way of defence, set-off or otherwise in any legal proceedings in Malaysia and any references in this Act to enforcing a Convention award shall be construed as including references to relying upon an award.

Evidence.

4. The party seeking to enforce a Convention award must produce

- (a) the duly authenticated original award or a duly certified copy of it; and
- (b) the original arbitration agreement or a duly certified copy of it; and
- (c) where the award is in a language other than the national language or the English language, a translation of it in the national language or the English language certified by an official or sworn translator or by a diplomatic or consular agent.

CONVENTION ON THE RECOGNITION AND ENFORCEMENT OF
FOREIGN ARBITRAL AWARDS

5. (1) Enforcement of a Convention award may be refused if the person against whom it is invoked proves

Refusal of
enforce-
ment.

- (a) that a party to the arbitration agreement was, under the law applicable to him, under some incapacity; or
- (b) that the arbitration was not valid under the law to which the parties subjected it or, failing any indication thereon, under the law of the country where the award was made; or
- (c) that he was not given proper notice of the appointment of the arbitrator or of the arbitration proceedings or was otherwise unable to present his case; or
- (d) subject to subsection (3), that the award deals with a difference not contemplated by or not falling within the terms of the submission to arbitration or contains decisions on matters beyond the scope of the submission to arbitration; or
- (e) that the composition of the arbitral authority or that the arbitral procedure was not in accordance with the agreement of the parties or, failing such agreement, with the law of the country where the arbitration took place; or
- (f) that the award has not yet become binding on the parties or has been set aside or suspended by a competent authority of the country in which, or under the law of which, it was made.

(2) Enforcement of a Convention award may also be refused if the award is in respect of a matter which is not capable of settlement by arbitration, or if it would be contrary to public policy to enforce the award.

(3) A Convention award which contains decisions on matters not submitted to arbitration may be enforced to the extent it contains decisions on matters submitted to arbitration which can be separated from those on matters not so submitted.

(4) If the court before which a Convention award is sought to be relied upon is satisfied that an application for the setting aside or suspension of the award has been made to a competent authority referred to in paragraph (f) of subsection (1), the court may, if it considers it proper, adjourn the decision on the enforcement of the award and may also, on the application of the party claiming enforcement of the award, order the other party to give suitable security.

Staying court proceedings where party proves arbitration agreement.

6. (1) If any party to an arbitration agreement to which the New York Convention applies, or any person claiming through or under him commences any legal proceedings in any court against any other party to the agreement or any person claiming through or under him in respect of any matter agreed to be referred to arbitration in such agreement, any party to the proceedings may at any time after appearance, and before delivering any pleadings or taking any other steps in the proceedings, apply to the court to stay the proceedings; and the court, unless satisfied that the agreement is null and void, inoperative or incapable of being performed or that there is not in fact any dispute between the parties with regard to the matter agreed to be referred, shall make an order staying the proceedings.

(2) This section applies to any arbitration agreement which is not a domestic arbitration agreement and section 6 of the Arbitration Act 1952 shall not apply to an arbitration agreement to which this section applies.

(3) In this section, "domestic arbitration agreement" means an arbitration agreement which does not provide, expressly or by implication, for arbitration in a State other than Malaysia and to which neither

- (a) an individual who is a national of, or habitually resident in, any State other than Malaysia; nor
- (b) a body corporate which is incorporated in, or whose central management and control is exercised in, any State other than Malaysia, is a party at the time the proceedings are commenced.

CONVENTION ON THE RECOGNITION AND ENFORCEMENT OF
FOREIGN ARBITRAL AWARDS

9

SCHEDULE

(Section 2)

CONVENTION ON THE RECOGNITION AND ENFORCE
MENT OF FOREIGN ARBITRAL AWARDS 1958

ARTICLE I

1. This Convention shall apply to the recognition and enforcement of arbitral awards made in the territory of a State other than the State where the recognition and enforcement of such awards are sought, and arising out of differences between persons, whether physical or legal. It shall also apply to arbitral awards not considered as domestic awards in the State where their recognition and enforcement are sought.

2. The term "arbitral awards" shall include not only awards made by arbitrators appointed for each case but also those made by permanent arbitral bodies to which the parties have submitted.

3. When signing, ratifying or acceding to this Convention, or notifying extension under article X hereof, any State may on the basis of reciprocity declare that it will apply the Convention to the recognition and enforcement of awards made only in the territory of another Contracting State. It may also declare that it will apply the Convention only to differences arising out of legal relationships, whether contractual or not, which are considered as commercial under the national law of the State making such declaration.

ARTICLE II

1. Each Contracting State shall recognise an agreement in writing under which the parties undertake to submit to arbitration all or any differences which have arisen or which may arise between them in respect of a defined legal relationship, whether contractual or not, concerning a subject-matter capable of settlement by arbitration.

2. The term "agreement in writing" shall include an arbitral clause in a contract or an arbitration agreement, signed by the parties or contained in an exchange of letters or telegrams.

3. The court of a Contracting State, when seized of an action in a matter in respect of which the parties have made an agreement within the meaning of this article, shall, at the request of one of the parties, refer the parties to arbitration, unless it finds that the said agreement is null and void, inoperative or incapable of being performed.

ARTICLE III

Each Contracting State shall recognise arbitral awards as binding and enforce them in accordance with the rules of procedure of the territory where the award is relied upon, under the conditions laid down in the following articles. There shall not be imposed

[Schedule]

10

Act 320

substantially more onerous conditions or higher fees or charges on the recognition or enforcement of arbitral awards to which this Convention applies than are imposed on the recognition or enforcement of domestic arbitral awards.

ARTICLE IV

1. To obtain the recognition and enforcement mentioned in the preceding article, the party applying for recognition and enforcement shall, at the time of the application, supply:

- (a) the duly authenticated original award or a duly certified copy thereof;
- (b) the original agreement referred to in article 11 or a duly certified copy thereof.

2. If the said award or agreement is not made in an official language of the country in which the award is relied upon, the party applying for recognition and enforcement of the award shall produce a translation of these documents into such language. The translation shall be certified by an official or sworn translator or by a diplomatic or consular agent.

ARTICLE V

1. Recognition and enforcement of the award may be refused, at the request of the party against whom it is invoked, only if that party furnishes to the competent authority where the recognition and enforcement is sought, proof that:

- (a) the parties to the agreement referred to in article II were under the law applicable to them, under some incapacity, or the said agreement is not valid under the law to which the parties have subjected it or, failing any indication thereon, under the law of the country where the award was made; or
- (b) the party against whom the award is invoked was not given proper notice of the appointment of the arbitrator or of the arbitration proceedings or was otherwise unable to present his case; or
- (c) the award deals with a difference not contemplated by or not falling within the terms of the submission to arbitration, or it contains decisions on matters beyond the scope of the submission to arbitration, provided that if the decisions on matters submitted to arbitration can be separated from those not so submitted, that part of the award which contains decisions on matters submitted to arbitration may be recognised and enforced; or
- (d) the composition of the arbitral authority or the arbitral procedure was not in accordance with the agreement of the parties, or, failing such agreement, was not in accordance with the law of the country where the arbitration took place; or

CONVENTION ON THE RECOGNITION AND ENFORCEMENT OF FOREIGN ARBITRAL AWARDS 11

(e) the award has not yet become binding on the parties, or has been set aside or suspended by a competent authority of the country in which, or under the law of which, that award was made.

2. Recognition and enforcement of an arbitral award may also be refused if the competent authority in the country where recognition and enforcement is sought finds that:

(a) the subject-matter of the difference is not capable of settlement by arbitration under the law of that country; or

(b) the recognition or enforcement of the award would be contrary to the public policy of that country.

ARTICLE VI

If an application for the setting aside or suspension of the award has been made to a competent authority referred to in article V (1) (e), the authority before which the award is sought to be relied upon may, if it considers it proper, adjourn the decision on the enforcement of the award and may also, on the application of the party claiming enforcement of the award, order the other party to give suitable security.

ARTICLE VII

1. The provisions of the present Convention shall not affect the validity of multilateral or bilateral agreements concerning the recognition and enforcement of arbitral awards entered into by the Contracting States nor deprive any interested party of any right he may have to avail himself of an arbitral award in the manner and to the extent allowed by the law or the treaties of the country where such award is sought to be relied upon.

2. The Geneva Protocol on Arbitration Clauses of 1923 and the Geneva Convention on the Execution of Foreign Arbitral Awards of 1927 shall cease to have effect between Contracting States on their becoming bound and to the extent that they become bound by this Convention.

ARTICLE VIII

1. This Convention shall be open until 31st December 1958 for signature on behalf of any Member of the United Nations and also on behalf of any other State which is or hereafter becomes member of any specialized agency of the United Nations, or which is or hereafter becomes a party to the Statute of the International Court of Justice, or any other State to which an invitation has been addressed by the General Assembly of the United Nations.

2. This Convention shall be ratified and the instrument of ratification shall be deposited with the Secretary-General of the United Nations.

[Schedule]

12

ACT 320

ARTICLE IX

1. This Convention shall be open for accession to all States referred to in article VIII.
2. Accession shall be effected by the deposit of an instrument of accession with the Secretary-General of the United Nations.

ARTICLE X

1. Any State may, at the time of signature, ratification or accession, declare that this Convention shall extend to all or any of the territories for the international relations of which it is responsible. Such a declaration shall take effect when the Convention enters into force for the State concerned.
2. At any time thereafter any such extension shall be made by notification addressed to the Secretary-General of the United Nations and shall take effect as from the ninetieth day after the day of receipt by the Secretary-General of the United Nations of this notification, or as from the date of entry into force of the Convention for the State concerned, whichever is the later.
3. With respect to those territories to which this Convention is not extended at the time of signature, ratification or accession, each State concerned shall consider the possibility of taking the necessary steps in order to extend the application of this Convention to such territories, subject, where necessary for constitutional reasons, to the consent of the Governments of such territories.

ARTICLE XI

In the case of a federal or non-unitary State, the following provisions shall apply:

- (a) with respect to those articles of this Convention that come within the legislative jurisdiction of the federal authority, the obligations of the federal Government shall to this extent be the same as those of Contracting States which are not federal States;
- (b) with respect to those articles of this Convention that come within the legislative jurisdiction of constituent States or Provinces which are not, under the constitutional system of the federation, bound to take legislative action, the federal Government shall bring such articles with a favourable recommendation to the notice of the appropriate authorities of constituent States or Provinces at the earliest possible moment;
- (c) a federal State party to this Convention shall, at the request of any other contracting State transmitted through the Secretary-General of the United Nations, supply a statement of the law and practice of the federation and its constituent units in regard to any particular provision of this Convention, showing the extent to which effect has been given to that provision by legislative or other action.

CONVENTION ON THE RECOGNITION AND ENFORCEMENT OF FOREIGN ARBITRAL AWARDS 13

ARTICLE XII

1. This Convention shall come into force on the ninetieth day following the date of deposit of the third instrument of ratification or accession.

2. For each State ratifying or acceding to this Convention after the deposit of the third instrument of ratification or accession, this Convention shall enter into force on the ninetieth day after deposit by such State of its instrument of ratification or accession.

ARTICLE XIII

1.. Any Contracting State may denounce this Convention by a written notification to the Secretary-General of the United Nations. Denunciation shall take effect one year after the date of receipt of the notification by the Secretary-General.

2. Any State which has made a declaration or notification under article X may, at any time thereafter by notification to the Secretary-General of the United Nations, declare that this Convention shall cease to extend to the territory concerned one year after the date of the receipt of the notification by the Secretary General.

3. This Convention shall continue to be applicable to arbitral awards in respect of which recognition or enforcement proceedings have been instituted before the denunciation takes effect.

ARTICLE XIV

A Contracting State shall not be entitled to avail itself of the present Convention against other Contracting States except to the extent that it is itself bound to apply the Convention.

ARTICLE XV

The Secretary-General of the United Nations shall notify the States contemplated in article VIII of the following:

- (a) Signatures and ratifications in accordance with article VIII;
- (b) Accessions in accordance with article IX;
- (c) Declarations and notifications under articles I, X and XI;
- (d) The date upon which this Convention enters into force in accordance with article XII;
- (e) Denunciations and notifications in accordance with article XIII.

[Schedule]

14

ACT 320

ARTICLE XVI

1. This Convention, of which the Chinese, English, French, Russian and Spanish texts shall be equally authentic, shall be deposited in the archives of the United Nations.

2. The Secretary-General of the United Nations shall transmit a certified copy of this Convention to the States contemplated in article XIII.